

17/10/2001

Pas akan hantar memorandum negara Islam

DUNGUN, Selasa - Pas akan menghantar memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk menyatakan ciri-ciri sebuah negara Islam.

Timbalan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, berkata memorandum ciri-ciri negara Islam berlandaskan al-Quran dan sunnah itu akan disiapkan dalam tempoh terdekat oleh golongan profesional dan tokoh akademik.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan bangunan pejabat Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd, di Bandar Al-Muktafibilah Shah, dekat sini, beliau berkata satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, sudah dibentuk untuk tujuan berkenaan.

"Jawatankuasa itu sudah memulakan pertemuan dan perbincangan bagi membolehkan memorandum disiapkan seberapa segera dan diserahkan kepada Perdana Menteri," katanya.

Bagaimanapun, Abdul Hadi dan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang juga Menteri Besar Kelantan, tidak menganggotai jawatankuasa berkenaan.

Beliau berkata, antara kandungan memorandum itu ialah ciri-ciri mutlak iaitu mengekalkan pemimpin Islam sebagai pemimpin negara dan hukum tertinggi dalam negara tidak boleh mengatasi al-Quran dan sunnah.

Selain itu katanya, dasar umum adalah mengikut perkembangan semasa termasuk yang berkaitan pentadbiran.

Ketika ditanya kesediaan pemimpin Pas berdialog dengan pemimpin Barisan Nasional (BN) mengenai memorandum berkenaan beliau berkata, terpulang kepada mereka (BN) untuk mengadakan dialog dan Pas sentiasa bersikap terbuka.

"Perkara yang baik kita (Pas) akan sokong dan adalah haram jika menentang," katanya.

Sementara itu mengenai Afghanistan, Abdul Hadi berkata, rakyat Malaysia boleh berjihad tanpa pergi ke negara berkenaan.

"Utamakan apa yang perlu dan jihad boleh dilakukan dengan cara lain termasuk berdoa, sumbangan termasuk menderma untuk membeli senjata jika diperlukan," katanya.

(END)